



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “ZAKAT DAN WAKAF PEMANGKIN MEMBANGUNKAN EKONOMI UMMAH”

27 Oktober 2023 / 12 Rabiul Akhir 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, serta mengikhlaskan setiap amal. Semoga kita mendapat taufik dan hidayah, diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Maha Esa. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

### “ZAKAT DAN WAKAF PEMANGKIN MEMBANGUNKAN EKONOMI UMMAH”

Firman Allah SWT, ayat 77 surah al-Qasas:

﴿وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ<sup>ط</sup>  
وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾﴾

Bermaksud: Dan carilah pahala dan kebahagiaan hari akhirat dengan harta kekayaan yang telah dianugerahkan Allah kepada mu, tetapi jangan kamu lupakan bahagian mu (keperluan dan bekalan mu) di dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepada mu (dengan pemberian nikmat Nya yang melimpah ruah). Janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berbuat kerosakan.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Ekonomi yang kukuh dan stabil serta bertenaga untuk terus berkembang, amat mempengaruhi kesejahteraan dan taraf hidup ummah. Pelbagai manfaat dan kebaikan diperoleh sekiranya usaha membangunkan ekonomi diutamakan. Melalui ekonomi yang berkembang maju, ummah berpeluang menerokai pelbagai bidang yang akan memberi pulangan kebaikan kepada setiap lapisan masyarakat.

Selaras dengan Maqasid Syariah, Islam mengutamakan penjagaan harta untuk diurus bagi tujuan membangunkan ekonomi. Salah satu pendekatan pembangunan ekonomi Islam ialah prinsip tolong menolong التَّعَاوُن. Syarak menuntut dilakukan amalan bantu membantu dalam perkara kebajikan dan tidak membantu dalam perkara kejahatan.

Sebaik memimpin bumi Madinah, Baginda SAW mengutamakan dan berusaha untuk membangunkan ekonomi umat Islam. Rasulullah SAW membina pasar wakaf di Madinah untuk membolehkan umat Islam berpeluang menjalankan perniagaan, di samping berjaya menyekat dan memecahkan penguasaan atau monopoli orang Yahudi. Kelebihan Rasulullah SAW dan para sahabat berbanding peniaga Yahudi ialah mereka saling bantu membantu dan mendukung perniagaan kaum Muslimin, malah berniaga dengan jujur dan adil tanpa melakukan penipuan dan penindasan. Kepakaran ahli-ahli perniagaan dalam kalangan para sahabat seperti Sayidina Uthman bin Affan dan Sayidina Abdul Rahman bin Auf, dimanfaatkan. Kesannya, ekonomi umat Islam meningkat maju.

Ayat 77 surah al-Qasas yang khatib jadi rujukan pada awal khutbah, menunjukkan harta yang dikurniakan perlu dimanfaatkan sebaiknya agar mendapat keberkatan dan memperoleh kebahagiaan akhirat. Ahli tafsir al-Razi menjelaskan harta seharusnya digunakan pada jalan infak bagi memenuhi bahagian fakir miskin agar mereka mampu meneruskan kehidupan. Ummah wajar mengutamakan semangat dan amalan tolong menolong untuk membangunkan ekonomi. Umat Islam sepatutnya menjadi ummah yang hebat ekonominya, berupaya mengurangkan kebergantungan pada barangan yang dihasilkan oleh orang lain, sebaliknya terus berikhtiar untuk menghasilkan produk dan ciptaan sendiri.

### **Jemaah yang dilimpahi rahmat Illahi,**

Islam menganjurkan amalan berinfaq bertujuan untuk membantu meningkatkan ekonomi ummah. Di Negeri Perak, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) merupakan badan yang dipertanggungjawabkan mengurus hal ehwal zakat dan wakaf.



Zakat ialah salah satu dari Rukun Islam, diwajibkan ke atas setiap umat Islam, selaras dengan ayat 43 surah al-Baqarah yang bermaksud: “Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat”. Melalui amalan zakat serta agihannya, keperluan asnaf dapat dipenuhi yang dapat mengurangkan jurang antara golongan kaya dan miskin. Amalan berzakat mencetuskan sifat prihatin – menghidupkan sifat ihsan, ingin menolong golongan yang memerlukan.

Bermula Januari sehingga September tahun 2023, 112 juta ringgit dana zakat di bawah seliaan MAIPk telah diagihkan kepada golongan asnaf melalui pelbagai skim bantuan zakat. MAIPk turut mewujudkan program pembangunan ekonomi dan pembangunan insan di bawah skim latihan keusahawanan asnaf, bantuan modal perniagaan serta skim latihan kemahiran bagi membangunkan taraf kehidupan asnaf sekali gus meningkatkan tahap kemahiran mereka.

Antara bimbingan yang dilaksanakan merangkumi kursus tanaman cendawan tiram, kaedah mengurut, asas perbidanan, pembuatan roti, ternakan ayam, dan pelbagai lagi. Hakikatnya, didapati sebahagian golongan asnaf memiliki bakat dan potensi dalam bidang perniagaan. Mereka diberikan peluang menerima bantuan dan kelengkapan berniaga di bawah Skim Modal Perniagaan, membolehkan mereka meneroka dan menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Pada masa yang sama, anak-anak asnaf ditawarkan pelbagai program latihan yang dapat mengembang dan mempertingkatkan kemahiran mereka dalam pelbagai bidang pekerjaan. Antara latihan kemahiran yang diberikan pembiayaan ialah kursus-kursus pendawaian elektrik, industri kenderaan, dandanan rambut, pembaikan kenderaan, memandu kenderaan, pembaikan penyaman udara, pemasangan sistem solar dan lain-lain lagi.

Wakaf merupakan salah satu syariat. Wakaf bermaksud menahan harta dari pemilikan individu dan diuruskan manfaatnya untuk pihak tertentu. Syariat wakaf terbukti berjaya membantu meningkatkan ekonomi umat Islam. Dana wakaf sama ada tunai atau harta diurus oleh WAQAF AR-RIDZUAN untuk memberikan pulangan yang dapat memberikan sumbangan kepada kemajuan ekonomi umat Islam.

MAIPk selaku pemegang amanah tunggal bagi wakaf di negeri Perak melantik pelbagai pihak untuk menjalankan aktiviti penjanaan ekonomi seperti pertanian,



penternakan dan perniagaan melalui kaedah sewaan dan pajakan tanah. Hasil yang diterima disalurkan semula kepada penerima manfaat. Bermula tahun 2017 sehingga kini, sebanyak 16 juta ringgit telah diagihkan kepada 3,798 penerima manfaat iaitu masjid, surau, tapak perkuburan Islam dan institusi pendidikan di negeri Perak.

### **Hadirin Rahimakumullah,**

Mimbar menyeru Muslimin agar menyokong usaha menjayakan program wakaf tunai dengan berwakaf menerusi pelbagai kaedah yang disediakan termasuk melalui sistem potongan gaji bulanan, atau pembayaran secara dalam talian. Maklumat mengenai kaedah berwakaf boleh diperoleh melalui laman sesawang [wakaferak.gov.my](http://wakaferak.gov.my) atau merujuk ke pejabat Baitulmal. Semoga melalui sumbangan wakaf dan kutipan zakat, pelbagai projek yang mempunyai nilai keupayaan pulangan ekonomi yang tinggi berjaya diperkasa untuk manfaat ummah.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبِّئْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bukakan pintu hati kami untuk terus istiqamah melakukan amalan berzakat dan berwakaf di jalan Mu ya Allah, demi kebaikan dan kemaslahatan umat Muslimin. Dengan harta yang kami infak, Engkau permudahkan segala urusan kami, lapangkan jiwa kami, berkati rezeki kami dan mudahkan perjalanan kami menuju syurga Mu.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،  
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ﴾.